

ADAT DISANGGAH ADAT DISANJUNG DI SUNGAI UJONG

Oleh A.F.Yassin

Luak Sungai Ujong (meliputi Seremban dan Port Dickson) menyaksikan pergolakan adat sejak Undangnya, Datuk Kelana Putra Ke-9 Mohamad Kassim Datuk Nika Haji Abdul Rashid meninggal dunia pada 28 Julai 1983. Sejak itu Undang baru dilantik dan dipecat atau tidak diiktiraf kerana semuanya melanggar adat. Krisis perlantikan Undang Datuk Kelana Putra ini berterusan sehinggalah ada kebulatan (muafakat) melantik Mubarak bin Thohak pada 29 Disember 1993. Perlantikannya diresutui oleh Dewan Keadilan Negeri yang dipengerusikan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dengan anggotanya terdiri daripada empat Undang Rembau, Johol, Jelevu dan Sungai Ujong sendiri serta Tunku Besar Tampin. Menteri Besar Negeri Sembilan turut disenaraikan sebagai anggota Dewan.

Dengan perestuan ini maka perlantikan awal seperti Samsir Hj Sulaiman dari Rumpun Dusun, Lenggeng, 2 Julai 1987 dan Raja Abdul Rahim Raja Abdul Razak dari Rumpun Bayu, 8 Mac 1986 tidak sah dan batal. Dan sememangnya sejak awal pun perlantikan dua orang waris ini tidak diresutui adat. Lazimnya, mengikut tradisi adat yang diamalkan warga Luak Sungai Ujong sejak 500 tahun dahulu, perlantikan pengganti Datuk Kelana Putra yang baru perlu dilakukan sebaik sahaja penyandanganya meninggal dunia. Bagaimanapun masalah mencari ganti Datuk Kelana Putra ini berlarutan kerana timbulnya perebutan jawatan di kalangan ahli waris. Adat menentukan bahawa jika Datuk Kelana yang meninggal dunia itu datangnya dari waris Perut Hilir, maka penggantinya haruslah digilirkan kepada waris Hulu pula. Yang memilih pengganti terdiri daripada tiga datuk adat, iaitu Tua Waris Hulu, Tua Waris Hilir dan Waris Nan Tua.

Bagaimanapun perestuan Mubarak sebagai Datuk Kelana Putra oleh Dewan keadilan tidak menyelesaikan masalah. Sepatutnya setelah menerima perestuan Mubarak hendaklah "dikerjankan" (ditabalkan) dalam tempoh tertentu (100 hari?) sebagai Undang Sungai Ujong. Acara "kerjan" ini penting sebagai tanda sah Mubarak sebagai Datuk Kelana Putra. Seperti kata Razali bin Abd. Khalid, bekas Datuk Johan dari waris Perut Hulu, "selagi acara kerjan ini tidak dilakukan maka selagi itulah jawatan Mubarak sebagai Undang Datuk Kelana Putra dianggap masih *under probation*. Dalam majlis "kerjan" ini semua Datuk Lembaga dan Batin akan mengadap menyembahkan taat setia. Tapi ini belum dilakukan. Jadi Mubarak belum disahkan daripada jawatannya."

Menurut bekas Datuk Johan ini, selagi Datuk Kelana Putra belum "dikerjankan" maka selagi itulah institusi undang itu tidak dapat berfungsi dengan sempurna. Dan semua tugas rasmi Datuk Kelana Putra terbantut dan dianggap 'tidak sah di sisi adat.' Demikianlah selama menjadi Datuk Kelana Putra, Mubarak telah membuat pelbagai keputusan. Namun oleh kerana Mubarak belum disahkan sebagai Undang Datuk Kelana Putra maka semua keputusannya didakwa belum lagi efektif atau disempurnakan menurut adat. Dan selama ini dikatakan Mubarak didakwa telah membuat 13 salah laku di sisi adat, sekaligus menyerlahkan kelemahannya sebagai ketua adat. Razali menyenaraikan kesemua salah salah laku Mubarak dalam satu memorandum pemecatan Datuk Kelana Putra Ke-10 yang telah diserahkan kepada Dewan Keadilan beberapa bulan lalu untuk mendapat perestuan.

Menurut memorandum, selain Mubarak belum "dikerjankan", di Sungai Ujong belum ada penyandang pusaka Datuk Shahbandar sebagai tunggak Waris Di Air dan penyandang pusaka Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai. Hal ini disebabkan penyandang yang ada masih dipertikaikan, iaitu Datuk Andika Mendulika dari Waris Di Darat, Datuk Sri Maharaja Diraja dari Waris Di Air dan Datuk Akhiruzzaman Rantau. Datuk Penghulu Muda Labu Hilir pula belum disempurnakan jawatannya sementara Datuk Penghulu Dagang Paroi belum dilantik. Kedudukan Telaga Undang masih dipersoalkan. Telaga Undang ialah sebuah rumah atau tempat bagi waris yang "bersaka" dan "ibu soko" di Carak Darat berunding dan berbincang tentang semua perkara dan masalah peraturan adat pusaka Waris berkenaan. Sejak zaman-

berzaman Telaga Undang hendaklah ditempatkan di salah sebuah rumah ibu soko tua Waris Carak Darat dari Perut Hulu. Dan sehingga hari ini dikatakan Telaga Undang yang ada belum dirasmikan secara penuh istiadat. Di pangkal serambi rumah Ibu soko yang dikatakan di Telaga Undang itu belum terbentang tabir langit-langit, sampaian, peterana lima tingkat dan gunung berakat dengan bersilang gunting. Majlis kenduri menyambut 23 Ramadhan yang sepatutnya diadakan belum dibuat. Di pekarangan rumah masih belum ada tonggol, ular-ular, panji-panji, payung kebesaran, tombak, pedang, keris panjang dan keris pendek untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.

Fungsi Telaga Undang ini penting dalam menyelesaikan masalah adat. Jika masalah tidak dapat diselesaikan di Telaga Undang, barulah masalah itu dibawa ke Balai Undang untuk mendapatkan keadilan. Sebagai contoh masalah pemecatan penyandang pesaka Datuk Andika Mandulika pada 6 Oktober, pemecatan Datuk Maharaja Lela pada 10 Mac dan pemecatan Buapak Perut Hilir hendaklah dibincangkan terlebih dahulu di Telaga Undang. Sebabnya kuasa pemecat di tangan Telaga Undang. Tetapi apabila pemecatan itu disahkan oleh Datuk Kelana Putra tanpa dibincangkan terlebih dahulu di Telaga Undang, maka Datuk Kelana Putra dianggap telah merampas kuasa Telaga Undang.

Status penyandang pusaka Datuk Akhiruzaman Rantau, Sallehan Ismail telah dipulihkan oleh Datuk Kelana Putra pada tahun 1994 di Telapak Undang Kampung Telaga, Pantai, tanpa kehadiran Datuk Shahbandar. Tindakan Datuk Kelana Putra berbuat demikian dianggap tidak mengikut peraturan Adat Pusaka Dua Sela Sungai Ujong. Menurut adat Datuk Shahbandar perlu hadir untuk membuat sebarang keputusan. Demikian pula perlantikan Datuk Muda Linggi 2 November 1996. Kuasa melantik kedua-dua Datuk ini adalah hak bersama Datuk Kelana Putra dan Datuk Shahbandar, seperti lazimnya dalam Adat Pusaka Dua Sela ini. Sebabnya menurut adat, Datuk Muda Linggi beremakkan Shahbandar dan berbapakan Kelana Putra.

Bekas Datuk Johan turut mempertikaikan cara perlantikan Datuk Andika Mandulika pada 6 Oktober 1996 di rumah ibu soko Raja Rafiah di Kampung Air Hangat, Pantai yang dibuat secara undian. Sepatutnya pemilihan dibuat secara muafakat (kebulatan) di kalangan

ahli waris. Sehari sesudah perlantikan secara undian itu seramai 26 anak waris memohon kepada Datuk Kelana Putra Mubarak membatalkannya, tetapi Mubarak terus mengesahkan perlantikan Datuk Andika Mandulika.

Datuk Kelana Putra Mubarak juga difahamkan enggan mengesahkan pemecatan Datuk Maharaja Lela Abdul Mukhti Haji Abdul Aziz oleh waris Perut Hilir Kampung Manggis dan Kampung Godang. Pemecatan ini dibuat mengikut adat kerana Datuk Mukhti menghadiri kerapatan (pertemuan) Waris Di Air yang mahu mencari "benih" Datuk Shahbandar di Labu pada 14 Mac 1999. Di sisi adat Datuk Mukhti tidak sepatutnya hadir. Pada 16 Mac 2000, Datuk Mokhti memecat pula Datuk Lela Bangsa. Pemecatan dibuat melalui telefon sahaja. Cara pemecatan ini amat bertentangan dengan peraturan adat. Dan Mubarak dikatakan menerima pemecatan itu yang menurut adat dianggap satu lagi salah laku melalui kapasitinya sebagai Datuk kelana Putra.

Sebagai Datuk Kelana Putra Mubarak turut mengarahkan empat Perut Di Air mencari "benih" (calon) penyandang pusaka Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong merangkap tunggak Waris Di Air. Satu pertemuan telah diadakan di rumah ibu soko Zainab Jamrus di Labu pada 27 Julai 1998. Dengan arahan ini maka ia merupakan satu salah laku di sisi adat. Kata bekas Datuk Johan, arahan Datuk Kelana Putra itu tanpa melalui wakil Waris Di Air tetapi turut menghantar wakilnya dianggap mencampuri adat pusaka Waris Di Air. Lebih serius lagi dakwaan salah laku Datuk Kelana Putra di sisi adat ialah perbuatannya menghalau anak-anak Waris Di Air dari pekarangan Balai Undang pada Hari Raya Aidilfitri kedua pada tahun 1999. Mengikut adat, majlis mengadap Datuk Kelana Putra pada hari raya kedua wajib diadakan setiap tahun dan hendaklah dihadiri oleh dua carak waris negeri, iaitu Waris Di Darat dan Waris Di Air. Ini tercatat dalam Terombo Fasal 26 dan Fasal 43. Dengan menghalau anak waris, Waris Di Air ini maka Datuk Kelana Putra seperti merosakkan perjalanan adat pusaka Sungai Ujong. Padahal dalam majlis bersama hari raya kedua, kedudukan Datuk Kelana Putra ibarat "mayat dimandikan" dan yang ada kuasa pada masa itu ialah Waris Perut Ulu dan Perut Hilir.

Satu memorandum anak Waris Di Air telah dihantar kepada Waris Di Darat pada 16 Januari 2000 menyatakap rasa terkilannya terhadap

campur tangan Datuk Laksamana Syahruzaman Haji Malik dan Datuk Maharaja Lela Mokti dalam urusan adat pusaka Waris Di Air Sungai Ujong. Datuk Laksamana dikatakan menghalau anak-anak Waris Di Air daripada majlis kerapatan hari raya kedua, sementara Datuk Maharaja Lela Mokti menghadiri kerapatan Waris Di Air pada 27 Julai 1998. Menurut adat Mokti tidak sepatutnya hadir. Kemudian Datuk Kelana Putra pula dikatakan bertindak menahan elau (pencen?) anak-anak Waris Kampung Godang dengan wakil penerimanya Hajah Hasnah Ajud dan Kampung Manggis dengan wakil penerimanya Raja Asiah Raja Hamzah. Alasannya ialah anak-anak Waris ini telah berselisih faham dengan Datuk Maharaja Lela Mokti. Perselisihan faham ini timbul kerana ibu soko dan waris yang bersako kedua-dua kampung yang mewakili Perut Hilir ini bertindak memecat Datuk Maharaja Lela Mokti 10 Mac 2000.

Demikianlah tindakan pecat-memecat dan lantik-melantik yang tiada berkesudahan, tanpa mengambil kira peraturan adat seperti yang termaktub dalam Terombo. Semua tindakan yang didakwa salah laku di sisi adat ini dikatakan telah merosakkan perjalanan adat di Sungai Ujong. Seorang pengkaji adat di Seremban mengakui sikap "jahil" tentang sistem adat yang telah ditradisikan sebagai satu budaya murni orang Sungai Ujong, khasnya dan orang Negeri Sembilan umumnya menjadi "biang keladi" kepada semua masalah yang timbul. Katanya, "Kita melihat budaya dan adat resam orang Melayu di Sungai Ujong sudah terhakis banyak kerana elemen kepentingan diri dan politik. Pada hal, budaya dan tradisi adat kita itu amat berkesan dalam menyusun sistem kehidupan bermasyarakat. Kita tidak boleh lupa bahawa sistem dan budaya adat inilah wujudnya sistem pemerintahan di Negeri Sembilan hari ini. Cuba bayangkan kalau tidak ada sistem dan budaya yang diamalkan di Negeri Sembilan sejak lima ratus tahun dahulu mana mungkin Institusi Yang DiPertuan Negeri wujud hari ini."

Bekas pensyarah Universiti Putra Malaysia, Norhalim Ibrahim, juga saeorang pengkaji adat dan resam budaya Negeri Sembilan berpendapat sesuatu perlu dilakukan untuk semua warga adat di Sungai Ujong kembali ke pangkal jalan. Pertama katanya setiap warga terutama yang mempunyai hak pusaka adat patut menelaah sistem adat Sungai Ujong. Kedua yang telah membuat salah laku perlu balik ke pangkal jalan dan bersama-sama menjernihkannya semula. Dan

yang lebih penting katanya, "Kita hendaklah berpegang teguh kepada perbilangan: Adat bertentu bilang beratur / Berjinjang naik bertangga turun / Tali pengikat di tangan Lembaga / Keris penyalang di tangan Undang / Pedang pemancung di tangan Raja / Balai Undang adalah Balai keadilan / Yang akan menentukan hidup atau matinya pesaka adat ini." Ertinya jangan sekali-kali menduakan adat hanya semata-mata ingin menjaga kepentingan pribadi dan menurut kehendak nafsu.

Jalan terbaik bagi menyelesaikan kekusutan adat di Sungai Ujong ini ialah tindakan Dewan Keadilan mengeluarkan keputusan, sama ada masih merestui Mubarak kekal sebagai Datuk Kelana Putra atau menyerahkan semula kuasa penentu kepada Waris Tua Perut Hulu, Waris Tua Perut Hilir dan Waris Nan Tua. Bagaimana dengan kedudukan Samsir yang mengisytiharkan oleh warisnya sebagai Datuk Kelana Putra Ke-10 sebanyak dua kali, terakhir pada 10 Mac 2002 lalu? Bekas Datuk Johan Razali berkata, "Soal kedudukan Samsir tidak timbul kerana Waris Dusun yang mengisytiharkan Samsir sebagai Datuk Kelana Putra tidak termasuk waris yang berhak menyandang pusaka Undang".